Countdown SUKMA
*Penang Boleh!* MS 15

Kembali!
MS 16 & 28




PERCUMA
BULETIN MUTIARA
JULAI 16-31, 2018
www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Harapan TYT

## pimpinan baharu teruskan legasi kejayaan, kegemilangan pembangunan Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



**DR. Abdul Rahman Abbas perkenan untuk memeriksa kawalan kehormatan di Dataran Sri Pinang bersempena Sambutan Ulang Tahun Ke-80 beliau baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan semua pimpinan baharu Pakatan Harapan Pulau Pinang yang dipilih untuk terus menerajui Kerajaan Negeri.

Abdul Rahman berharap, semua pimpinan baharu dapat terus menggalas mandat dan tanggungjawab yang telah diberikan oleh rakyat dengan penuh dedikasi selaras dengan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT).

"Saya juga berharap pimpinan baharu Kerajaan Negeri dapat meneruskan legasi kejayaan dan kegemilangan pembangunan negeri Pulau Pinang.

"Melalui Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), sebenarnya ia (kemenangan besar) adalah suara hati rakyat dengan memilih yang terbaik pada pandangan mereka.

"Rakyat mahukan pemimpin terbaik yang daulat mengetengahkan suara mereka demi masa hadapan lebih gemilang.

"Justeru, adalah menjadi harapan serta tanggungjawab besar kepada barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen (MP) yang terkandung dalam manifesto semasa pilihan raya lalu dapat ditunaikan sewajarnya," ucapnya pada Majlis Penganugerahan Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-80 beliau di Dewan Sri Pinang di sini 14 Julai lalu.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan isteri, Datin Teoh Hooi Tuang; Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan isteri, Puan Tan Lean Kee serta barisan pimpinan negeri lain.

Dalam pada itu, sebelum mengakhiri ucapan, Abdul Rahman turut menzahirkan ucapan tahniah kepada semua penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat.

"Kurniaan tersebut merupakan penghargaan atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberikan kepada saya, Kerajaan Negeri dan negara Malaysia amnya.

"Oleh itu, semua penerima hendaklah sentiasa diingatkan bahawa penganugerahan ini adalah sesuatu yang teristimewa dan perlu pada setiap masa menjaga tata susila dan tingkah laku kerana masyarakat memerhatikan serta menilai setiap penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan," katanya.

Sementara itu, Kon Yeow ketika berucap menzahirkan ucapan selamat ulang tahun kepada TYT bagi pihak Kerajaan Negeri, penjawat awam serta seluruh rakyat Pulau Pinang.

"Saya dan seluruh rakyat Pulau Pinang mendoakan agar Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan serta keluarga sentiasa berada dalam keadaan sihat, dilanjutkan usia serta mendapat rahmat daripada Tuhan Yang Maha Esa untuk terus memimpin negeri yang dicintai ini.

"(Malah) saya bersama-sama anggota pentadbiran Kerajaan Negeri, anggota perkhidmatan awam, pemimpin-pemimpin di pelbagai peringkat dan seluruh rakyat memperbaharui ikrar taat setia kepada Tuan Yang Terutama Tun, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan negara Malaysia," ujarnya yang turut mengucapkan ucapan terima kasih tidak terhingga kerana diberikan kepercayaan menjawat jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang Kelima.

Pada kesempatan itu juga, Kon Yeow turut menzahirkan penghargaan kepada mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng atas segala sumbangan dan jasa bakti sepanjang khidmat bermula 2008 sehingga 2018.

*(Ikuti liputan lanjut di dalam edisi Ogos 2018).*

# Pesawat PM selamat mendarat di Pulau Pinang

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BAYAN LEPAS** - Pada 6 Julai lalu, pesawat rasmi kerajaan yang dinaiki Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali selamat mendarat di Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA).

Di sini, mereka disambut oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow serta barisan Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang lain.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Dato' Marzuki Yahaya.

Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang, Tuan Haji Aminudin Ahmad memimpin bacaan doa selamat, sebelum rombongan Mahathir meninggalkan lokasi berkaitan.



KETUA Menteri (berkot hitam) mengetuai delegasi kepimpinan Kerajaan Negeri mengiringi Perdana Menteri di PIA baru-baru ini.

# Ketua Menteri terima kunjungan hormat Menteri Kerja Raya



KETUA Menteri (tiga dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menerima kunjungan hormat Baru Bian (tiga dari kiri) di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 6 Julai lalu menerima kunjungan hormat Menteri Kerja Raya, Baru Bian di pejabatnya dekat Komtar di sini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), D. Harvindar Singh dan Setiausaha Politik Kepada Menteri, Zakaria Abdul Hamid turut sertai majlis tersebut.

Sejak Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei lalu, difahamkan, Baru Bian merupakan menteri pertama mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Zairil menzahirkan rasa gembira dan berharap pihaknya dapat saling bekerjasama dengan Menteri berkenaan dalam memakmurkan projek infrastruktur awam di negeri ini.

"Kita telah mengetengahkan beberapa isu besar di Pulau Pinang khususnya projek penarafan Hospital Besar (Pulau Pinang) dan Hospital Seberang Jaya yang sedang mengalami beberapa kelewatan.

"Selain itu, isu cerun-cerun yang rosak akibat tanah runtuh pada tahun lepas, yang memerlukan peruntukan daripada Kerajaan Pusat," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga.




Oleh: **ME**

# Pembinaan jejambat dan naik taraf laluan harap surai kesesakan, jana pertumbuhan ekonomi

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU MAUNG –** Jejambat merentasi bulatan Batu Maung menghubungkan Jambatan Kedua Pulau Pinang iaitu Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ke Jalan Batu Maung dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dibuka secara rasminya pada 6 Julai lalu.

Pembukaan tersebut disempurnakan Menteri Kerja Raya, Baru Bian yang diiringi Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari.

Menurut Baru Bian, pembinaan jejambat dan menaik taraf Jalan Batu Maung hingga ke Jalan Sultan Azlan Shah tersebut diharap dapat menampung jumlah peningkatan kenderaan yang melalui kawasan tersebut berjumlah 80,000 buah sehari.

"Serentak itu, diharap ianya juga mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan memberi kesan positif kepada penduduk.

"Ini juga menjadi satu contoh kerjasama baik di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk kepentingan rakyat," katanya yang juga Ahli Parlimen Selangau, Sarawak.

Hadir sama, Exco Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Setiausaha bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali dan Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang; Ir. Shahabuddin Muhd. Muhayiddin.

Antara skop projek naik taraf bernilai RM123 juta sepanjang 1.25 kilometer (km) dari Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Maung hingga ke Solok Bayan Lepas berkenaan adalah meliputi pembinaan jejambat berkembar empat lorong dua hala; menaik taraf persimpangan Batu Maung hingga ke bulatan Batu Maung; membina semula jejantas SK Batu Maung dan menaik taraf jalan dua lorong kepada empat lorong lengkap dengan perabot jalan.

Dalam pada itu, Zairil pada sidang media sejurus majlis rasmi berkaitan menyatakan bahawa pertemuan antara Baru Bian dan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sebelum itu adalah berkisar kepada penaiktarafan Hospital Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya yang disifatkan sebagai perkara yang sangat penting.

"Kita tak sempat masuk isu terowong dan jambatan (ketiga) yang mana itu sebenarnya adalah projek Kerajaan Negeri dan bukannya skop Kerajaan Persekutuan.

"Di samping itu, kami (Kerajaan Negeri) juga mengetengahkan beberapa isu berkaitan tanah runtuh yang berlaku pada tahun lepas khususnya di Jalan Tun Sardon (Balik Pulau - Relau).

"Selain itu, yang ditularkan seolah-olah ada tanah runtuh (pada pagi berkaitan), sebenarnya itu bukan tanah runtuh, tetapi hanya serpihan tanah runtuh lama yang mengalir ke jalan raya... jadi Kerajaan Negeri berharap akan mendapat kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan untuk membaiki cerun-cerun tersebut," ujarnya yang merupakan ADUN Tanjong Bunga.



ZAIRIL Khir Johari (kanan sekali) mengiringi Baru Bian (tiga dari kanan) pada majlis pembukaan jejambat merentangi bulatan Batu Maung menghubungkan Jambatan Kedua Pulau Pinang di sini baru-baru ini.





RUPA bentuk laluan berkaitan.

## Kad pintar *'I Love Penang'*, kepelbagaian ciri-ciri baru bakal ditingkatkan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri sedang meneliti ciri-ciri baharu pada kad pintar *'I Love Penang'* yang bakal dilaksana serta diwujudkan penggunaannya bagi meningkatkan kepelbagaian dan tahap keselamatannya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, badan pemikir negeri, *Penang Institute* (PI) akan meneliti ciri-ciri yang wajar diperkenalkan dalam kad pintar itu termasuk sistem bersesuaian.

"Mereka (PI) sebelum ini telah membentangkan cadangan kepada Exco, tetapi memandangkan kad pintar berkenaan bukan hanya membabitkan program tunggal semata-mata, maka pihak berkaitan diminta untuk meneliti ciri-ciri baharu yang wajar serta boleh disertakan sekali.

"Misalnya, kad pintar sama boleh digunakan sebagai kad tambang bas atau mempunyai ciri-ciri kad *'Touch N Go'*...dalam erti kata lain, jadikan kad pintar itu kad pelbagai guna," ujarnya ketika ditemui sejurus merasmikan Kursus Penang Parkinson's Disease Update 2018 di Auditorium Kompleks Rawatan Harian (ACC), Hospital Pulau Pinang dekat sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, buat masa ini, pihak PI masih meneliti dan belum mencapai kata putus lagi.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak tahu bila ia (penelitian) akan selesai dan masih menunggu untuk mereka membentangkan cadangan baharu mereka," katanya yang juga Ahli Parlimen Tanjong.

Tahun lalu, mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng telah memaklumkan inisiatif Kerajaan Negeri itu ketika membentangkan Bajet 2018.

Kad pintar *'I Love Penang'* akan memberikan kemudahan kepada rakyat Pulau Pinang mengakses program-program kebajikan disediakan Kerajaan Negeri.

Difahamkan, kad pintar berkaitan bakal digunakan sebagai akses kesihatan dengan nilai kredit RM300 setahun untuk keluarga berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan atau individu yang berpendapatan RM2,500 sebulan dengan had penggunaan RM50 bagi sekali rawatan di klinik.

# KM sertai Majlis Sambutan Aidilfitri PDRM Pulau Pinang



KETUA Menteri (enam dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan A. Thaiveegan pada Majlis Sambutan Aidilfitri PDRM Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

**RAIKAN BERSAMA...** Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow hadir menyertai Majlis Sambutan Aidilfitri Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang di ibu pejabat pasukan keselamatan berkaitan pada 16 Julai lalu.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota disambut sendiri oleh Ketua Polis Negeri, Datuk Seri A. Thaiveegan.

Pada majlis berkaitan, Thaiveegan menzahirkan harapan bahawa pihaknya akan berusaha memastikan tahap keharmonian rakyat terus dipelihara.

# Resolusi Persekutuan Pertubuhan Talasemia, Exco Kesihatan bakal usulkan kepada Menteri Kabinet

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Persekutuan Pertubuhan Talasemia Malaysia menggesa supaya Kerajaan Persekutuan menyediakan perkhidmatan transfusi pada hujung minggu bagi memberi kemudahan kepada golongan pesakit berkaitan.

Selain itu, turut dicadangkan adalah penyediaan *Nucleic Acid Amplification Testing* (NAT) di semua hospital menawarkan perkhidmatan transfusi kepada pesakit talasemia, dan meletakkan syarat mandatori kepada pasangan yang bakal mendirikan rumahtangga untuk menjalani saringan talasemia.

Malah, pihak berkaitan turut menggesa supaya pihak kerajaan dan berwajib meningkatkan lagi kesedaran awam mengenai penyakit berkaitan bagi mengelakkan terjadinya diskriminasi kepada pesakit atau dalam sesetengah situasi pesakit dipinggirkan.

Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin berkata, kandungan resolusi dikemukakan Persekutuan Pertubuhan Talasemia Malaysia merupakan resolusi yang komprehensif serta boleh dilaksanakan oleh pihak berkaitan.

Menurutnya, walaupun talasemia bukanlah penyakit berjangkit, tetapi ia merupakan penyakit berkaitan genetik yang kurang diberikan perhatian.

"Di peringkat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita sehingga hari ini masih belum ada suatu polisi khusus berhubung penyakit talasemia kerana kita (Kerajaan Negeri) memerlukan arahan atau garis panduan daripada Kerajaan Persekutuan.

"Mungkin sebagai permulaan, apa yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah dengan menetapkan syarat mandatori kepada bakal pengantin di negeri ini untuk menjalani saringan talasemia.

"(Dan) saya sendiri akan menulis (kirim surat) kepada Ahli-ahli Parlimen berwajib termasuk kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam waktu terdekat ini untuk mereka melihat akan isu yang dibangkitkan dalam resolusi ini," ujar Afif pada sidang media sejurus merasmikan penutupan Persidangan Global Globin 2020 Challenge (GG2020) 2018 di sini 8 Julai lalu.

Turut sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Hal Ehwal Antarabangsa) Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah dan Pakar Perunding Kanan Kanak-kanak & Pakar Genetik Perubatan, Pusat Genom Manusia Pusat Pengajian Sains Perubatan USM merangkap Ketua Malaysia Node of the Human Variome Project, Profesor Dr. Zilfalil Alwi.

Mengulas lanjut, Afif turut menzahirkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan dan Suruhjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) kerana berjaya menganjurkan persidangan yang julung kali diadakan di Pulau Pinang.

"Saya difahamkan persidangan ini merupakan yang kedua diadakan di Malaysia, dan pertama kali di Pulau Pinang selepas penganjurannya tahun lalu di Kuala Lumpur.

"Saya percaya, persidangan kali ini bertemakan '*Precision Medicine in Thalassaemia*' akan merancakkan lagi perkongsian data genomik manusia dengan kepelbagaian topik yang dibincangkan.

"Saya berharap, persidangan ini dapat membuka ruang kepada umum untuk lebih mengenali penyakit talasemia termasuk masalah dihadapi para pesakit.

"(Dan) saya percaya, kerajaan kita (Kerajaan Persekutuan) boleh tampil dengan suatu polisi yang lebih komprehensif memandangkan kita telah membuktikan Malaysia boleh memimpin negara-negara lain dalam menangani isu-isu berkaitan talasemia ini," katanya.

Data daripada Daftar Talasemia Kebangsaan *(National Thalassaemia Registry)* menunjukkan lebih 1 daripada 20 rakyat Malaysia adalah pembawa '*gene*' talasemia dengan anggaran dua hingga lima peratus daripada jumlah penduduk di negara ini termasuk antara 120 hingga 350 bayi talasemia major dilahirkan setiap tahun.

GG2020 adalah pelaksanaan di bawah inisiatif *Human Variom Project* yang bermatlamat menggunakan pembangunan terkini dalam bidang genomik manusia melibatkan pengumpulan dan perkongsian data secara sistematik untuk memerangi penyakit hemoglobin, terutamanya talasemia dan penyakit sel sabit di negara-negara membangun.

Persidangan GG2020 yang dirasmikan Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching disertai 143 peserta yang terdiri daripada persatuan dan pertubuhan berkaitan talasemia, pakar perubatan, pakar nutrisi, pakar genetik serta pesakit talasemia.

Selain itu, persidangan yang berlangsung selama dua hari ini turut menjemput penceramah berkaitan talasemia dari United Kingdom, Itali, Singapura, Republik Demokratik Congo, Australia, Thailand, Mesir, Nigeria, Pakistan, Nepal, India, Indonesia, Cyprus dan Malaysia.

# Masa 'bulan madu' sudah tamat, sekarang masa untuk bekerja - Kon Yeow

**BERAPIT -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengingatkan barisan kepimpinan Pakatan Harapan (PH) bahawa tempoh 'bulan madu' sudahpun berlalu dan sekarang adalah masa untuk bekerja.

Jelasnya, ini adalah selaras dengan arahan daripada Kerajaan Persekutuan yang mahu parti-parti dalam Pakatan Harapan mempercepatkan pembukaan pusat khidmat untuk membawa masalah rakyat.

"Kita sedar selepas dua bulan kita (Pakatan Harapan) menang di Putrajaya dan ada di antara kita masih dalam '*mood*' meraikan kemenangan.

"Tapi tempoh meraikan hanya sebulan sahaja, dan kita berharap semua pemimpin khususnya yang diberi tanggungjawab di peringkat Negeri dan Persekutuan dapat menjalankan tugas sebaik mungkin agar tempoh masa pemerintahan ini tidak disia-siakan," ucap beliau pada Majlis Perasmian Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Berapit di sini 7 Julai lalu.

Turut berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee; Ahli Parlimen Bukit Mertajam yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Steven Sim Chee Keong.

Hadir sebagai tetamu khas, mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng yang juga Menteri Kewangan.

Turut serta, ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon; Ahli-Ahli Jawatankuasa DAP Berapit; Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan ramai lagi.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong menyatakan bahawa beliau juga sedar bahawa perubahan politik yang berlaku pada Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU14) bertarikh 9 Mei lalu menyebabkan beban dan tanggungjawab dipikul wakil rakyat adalah makin bertambah.

"Namun, ekspektasi rakyat adalah amat tinggi kepada Pakatan Harapan (PH), dan saya berharap mereka yang diberi jawatan sama ada di peringkat Negeri atau Pusat dapat menggunakan kebijaksanaan bagi menunaikan janji PRU14.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri juga akan mempertimbang untuk memberikan sumber sebaiknya kepada wakil rakyat agar mereka dapat menunaikan kewajipan kepada rakyat," ujarnya.

Dalam pada itu, Lee Lee dalam ucapannya menyifatkan tahun 2018 sebagai tahun yang penting dan bersejarah buat perjuangan Pakatan Harapan (PH).

"Tahun ini merupakan tahun yang penting bagi PH kerana pada 9 Mei lalu, kita berjaya menawan Putrajaya selepas 61 tahun negara dipimpin oleh Barisan Nasional (BN).

"Terima kasih kepada pemimpin veteran dan para penyokong parti kerana tanpa anda, kita tidak akan mendapat kemenangan ini," tegasnya.

Dalam pada itu, Guan Eng yang turut berucap berkata, amanah yang diserahkan kepada Lee Lee merupakan sesuatu yang tidak sia-sia.

"Lee Lee bukan sahaja menang dengan bergaya, malah pihak lawan juga hilang wang deposit. Ini yang penting," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan turut menjelaskan kesukaran yang dihadapi Kerajaan Persekutuan ekoran jumlah hutang yang ditinggalkan Kerajaan terdahulu adalah melebihi RM1 trilion.

"Walaupun Kerajaan menghadapi masalah kewangan, tetapi PH tetap tunaikan janji iaitu hapuskan GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan) dan mengekalkan bayaran BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia).

"Tapi untuk harga petrol, kita (Kerajaan) minta rakyat bersabar dan memahami masalah yang dihadapi sekarang ini dan kita memerlukan sedikit masa untuk laksanakan semua janji ini," ujarnya yang merupakan ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

# Festival Seni Padi bakal tarik lebih ramai pelancong

Teks & Gambar : **SUNARTI YUSOFF**

**PENANTI -** Penganjuran Festival Seni Padi yang akan berlangsung pada 12 Ogos ini adalah demi membangunkan sektor penanaman padi sekaligus menarik lebih ramai kehadiran pelancong ke negeri ini khususnya di Seberang Perai.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin memberitahu, festival berkenaan akan dianjurkan di Kampung Terus dekat Guar Perahu dengan kerjasama para pesawah di kawasan terbabit.

"Pada festival ini, pesawah akan membuat sekurang-kurangnya 10 replika kereta, pondok, alat permainan dan sebagainya menggunakan padi yang telah dituai dan diletakkan dalam kawasan sawah.

"(Dan) pada hari itu juga, akan diadakan festival muzik tradisional untuk menjadikan program ini lebih menarik.

"Jadi, para pelancong yang datang bukan sahaja boleh bergambar bersama-sama replika-replika ini, malah mereka juga boleh berhibur," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penanti dekat Tanah Liat di sini 8 Julai lalu.

Kira-kira 2,000 pengunjung hadir memeriahkan majlis yang menghidangkan pelbagai juadah istimewa seperti lontong, buah-buahan, kuetiau kerang, ketupat dan banyak lagi.

Turut hadir menyerikan majlis, ADUN Seberang Jaya merangkap Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin; Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Ali Sebran; ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan lain-lain.

Norlela dalam pada itu turut memaklumkan bahawa penganjuran majlis rumah terbuka pada tahun ini adalah sedikit berbeza kerana dibuat secara bergotong-royong bersama-sama kepimpinan JKKK Penanti.

"Kita perlu berjimat sebab mahu salurkan lebih peruntukan kepada mangsa-mangsa ribut dan banjir kilat yang berlaku pada Mei baru-baru ini," jelasnya.



**DR. Norlela Ariffin (bertudung biru) meramahi para hadirin yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri KADUN Penanti di sini baru-baru ini.**

## Pengecualian bayaran fi kelulusan pembeli rumah warga asing sempena MAPEX - Exco

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersetuju memenuhi permintaan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REDHA) Pulau Pinang untuk memberikan pengecualian bayaran fi kelulusan kepada pembeli rumah warga asing.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, pengecualian itu diberikan sebagai merangsang pembelian rumah yang kini dilihat agak suram.

"Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, rentetan keadaan ekonomi yang lembab, sektor penjualan rumah juga terjejas.

"(Dan) Kerajaan Negeri terpaksa mengambil pelbagai inisiatif dalam merangsang semula sektor ini dan salah satu daripadanya adalah memperkenalkan langkah penyejukan atau *cooling measures* pada tahun 2014 untuk pembeli warga asing.

"Kita (Kerajaan Negeri) menetapkan had harga siling pembelian yang boleh dibeli oleh warga asing kerana kita tidak mahu berlakunya lambakan (warga asing)," ujarnya kepada pemberita pada sidang media di sini 5 Julai lalu.

Jelasnya, had harga siling yang dikenakan adalah berbeza bagi jenis hartanah dan lokasi.

"Di bahagian pulau, hartanah bertanah *(landed)* di bawah RM3 juta tidak boleh dibeli oleh warga asing, manakala bagi bahagian Seberang (Perai) pula, di bawah harga RM1 juta.

"Bagi perumahan bertingkat atau berstrata pula, di bahagian pulau berharga RM1 juta dan di Seberang (Perai) di bawah RM500,000 tidak boleh dibeli oleh mereka (warga asing).

"Serentak itu, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan bayaran fi kelulusan iaitu 1.5 peratus daripada harga rumah yang perlu dibayar oleh warga asing terhadap hartanah mengikut syarat kriteria tadi.

"Bagi mengelak berlakunya spekulasi harga, maka kita (Kerajaan Negeri) mengenakan pula syarat yang mana mereka tidak boleh menjual rumah yang dibeli dalam tempoh tiga tahun milikan.

"Sekiranya mereka gagal mematuhinya, tambahan 2 peratus bayaran akan dikenakan berdasarkan harga hartanah semasa atas jualan yang dibuat," jelas Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, pengecualian bayaran fi kelulusan itu diberikan sempena penganjuran Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX) pada 20 – 22 Julai 2018.

"Pengecualian fi ini adalah bersyarat dan hanya sah sehingga tempoh 1 bulan daripada tarikh penganjuran MAPEX iaitu sehingga 22 Ogos 2018.

"(Dan) saya turut menghargai usaha yang dilakukan oleh REHDA Pulau Pinang dalam membantu merangsang pembelian rumah di negeri ini," katanya yang turut menghargai usaha REHDA Pulau Pinang untuk memberikan sedikit sumbangan kepada Tabung Harapan Malaysia hasil penjualan rumah pada penganjuran MAPEX nanti.

## Peningkatan kes penyakit HFMD, Exco saran ibu bapa dan taska ambil langkah berjaga-jaga

**GEORGE TOWN -** Sehingga 4 Julai 2018, sebanyak 1,555 kes Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut atau *Hand, Foot and Mouth Disease* (HFMD) dicatatkan di Pulau Pinang bebanding tempoh sama tahun lalu hanya 1,050 kes, iaitu peningkatan sebanyak 48 peratus.

Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin berkata, Kerajaan Negeri telah mendapat makluman daripada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bahawa terdapat peningkatan bilangan kes.

"Penyakit HFMD ini mudah menjangkiti orang lain, terutamanya kanak-kanak yang berada di premis atau tempat tumpuan umum seperti taska dan tadika.

"Bagi tahun 2018, sehingga kini, sebanyak 53 tadika atau taska melaporkan kluster HFMD di premis mereka iaitu peningkatan sebanyak 380 peratus berbanding hanya 11 kluster dalam tempoh sama dilaporkan tahun 2017.

"Oleh demikian, saya sarankan supaya ibu bapa dan taska, sekiranya terdapat kanak-kanak yang mempunyai tanda-tanda jangkitan HFMD supaya mengambil langkah berjaga-jaga kerana penyakit ini boleh berjangkit melalui sentuhan," ujarnya pada sidang media sejurus hadir pada Majlis Perasmian Kursus Penang Parkinson's Disease Update 2018 bersama-sama Ketua Menteri di Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini 6 Julai lalu.

Menurut Afif, penyakit HFMD adalah berpunca daripada jangkitan virus jenis '*coxsackie A16*' dan '*enterovirus 71*' (EV71).

"Virus ini boleh merebak secara sentuhan dengan air liur, cecair lepuh *(blister)* dan najis pesakit.

"Kebiasaannya, jangkitan adalah ringan dengan gejala demam diikuti ruam melepuh pada tangan, kaki, mulut dan lidah.

"(Dan) hampir keseluruhan pesakit yang menghidap penyakit ini pulih tanpa rawatan dalam masa tujuh hingga 10 hari.

"Walau bagaimanapun, jangkitan EV71 berisiko menyebabkan komplikasi teruk seperti '*encephalitis*', '*pulmonary edema*' dan '*myocarditis*'," jelasnya.

Oleh demikian, tambah Afif, **orang ramai khususnya penjaga kanak-kanak di taska/tadika/tabika/pra sekolah digesa untuk:**

**1. Sentiasa memastikan kebersihan premis terutama peralatan dan perkakasan yang digunakan oleh kanak-kanak;**

**2. Membuat saringan di taska/tadika/tabika/prasekolah bagi memastikan kanak-kanak yang hadir tiada tanda-tanda jangkitan HFMD. Kanak-kanak dengan gejala dinasihatkan untuk tidak hadir ke sekolah untuk mengelakkan jangkitan kepada kawan-kawannya;**

**3. Sentiasa mengamalkan kebersihan diri termasuk mencuci tangan selepas menguruskan seorang kanak-kanak sebelum mengendalikan kanak-kanak lain;**

**4. Memastikan lampin pakai-buang dibuang dalam tong sampah bertutup; dan**

**5. Melaporkan kluster HFMD kepada pejabat kesihatan daerah berhampiran untuk tindakan kawalan dan pencegahan.**

**Ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang mempunyai tanda-tanda jangkitan HFMD juga adalah dinasihati supaya:**

**1. Tidak membawa anak ke tempat-tempat awam/sekolah/taska/tadika/pusat asuhan kerana boleh merebakkan jangkitan;**

**2. Mengamalkan budaya mencuci tangan dengan sabun dan air bersih selepas ke tandas, selepas menukar lampin dan selepas menyentuh/merawat lepuh;**

**3. Membersihkan permainan anak serta lantai rumah termasuk tandas dengan menggunakan larutan campuran klorin; dan**

**4. Memastikan pembuangan lampin pakai-buang dibuat dengan betul.**

Dalam perkembangan berkaitan, Afif turut menafikan berita tular yang menyatakan terdapat kematian akibat penyakit ini di Butterworth baru-baru ini.

Sementara itu, dalam respons berasingan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan terus mendapatkan nasihat daripada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) berhubung penularan HFMD kini.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, tindakan berkaitan adalah berikutan pihak JKNPP sahaja yang mempunyai kepakaran dalam membendung penularan wabak tersebut.

"Mereka (JKNPP) adalah pakar dalam hal ini, dan kita (Kerajaan Negeri) telah minta mereka (JKNPP) beri taklimat kepada ahli-ahli Exco, juga meminta JKNPP memantau serta memberi sebarang nasihat berkaitan.

"(Dan) kalau perlu, Kerajaan Negeri buat apa-apa arahan berpandukan kepada jabatan (JKNPP), kita akan lakukan," ujarnya dalam sidang media sejurus majlis pelepasan peserta *MRCS Heritage Walk* di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Methodist Lelaki, Jalan Air Itam di sini 15 Julai lalu.

# Solusi polisi lebih konstruktif bagi penyakit Parkinson, Exco bakal bertemu dan bincang

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri sentiasa bersedia memberi sokongan kepada mana-mana badan mahupun persatuan dalam memberi kesedaran umum berhubung penyakit Parkinson.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk menerajui Pulau Pinang ke arah sebuah negeri makmur dan rakyat yang sihat.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga menyokong sepenuhnya usaha-usaha yang dapat membantu untuk mempromosikan kesihatan mental dan fizikal rakyat di negeri ini termasuk memberi kesedaran mengenai penyakit Parkinson.

"Saya faham bahawa tugas untuk mewujudkan kesedaran tentang penyakit ini adalah suatu cabaran yang berat, malah mungkin lebih mencabar berbanding penyakit-penyakit lain kerana ia memerlukan masa untuk memahami bahawa Parkinson adalah sejenis penyakit dan bukan hanya masalah mental," ucapnya pada Majlis Perasmian Kursus Penang Parkinson's Disease Update 2018 di Auditorium Kompleks Rawatan Harian (ACC), Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini 6 Julai lalu.

Hadir sama, Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin; Pengarah Hospital Pulau Pinang, Datuk Dr. Norsidah Ismail; Ketua Jabatan Neurologi, Dr. Eow Gaik Bee dan Pakar Neurologi merangkap Penasihat Perubatan bagi Persatuan Penyakit Parkinson Pulau Pinang, Dr. Kenny Tan.

Presiden Persatuan Penyakit Parkinson Pulau Pinang, Dr. Madelene Ong dan Presiden Persatuan Parkinson Perak, Samuel Ng antara yang turut serta pada penganjuran kursus dua hari bermula pada 5 Julai lalu itu.

Dalam pada itu, Afif ketika ditemui memberitahu, kesedaran umum mengenai penyakit Parkinson masih berada pada tahap rendah hingga menyebabkan ramai yang gagal mengesan penyakit dihadapi.

"Usaha dilakukan Hospital Pulau Pinang (HPP) dan persatuan-persatuan Parkinson ini harus diberi pujian kerana ia bukanlah perkara yang mudah, dan saya bangga kerana dapat melibatkan diri sekaligus mengenali pesakit Parkinson di negeri ini.

"(Dan) Kerajaan Negeri tahu cabaran yang dihadapi bukan sahaja pesakit malah penjaga, kerana penyakit Parkinson ini bukan sahaja menjejaskan kualiti hidup dari segi ketidakupayaan bergerak, malah juga pertuturan dan koordinasi," jelasnya.

Menurut Afif, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan badan-badan berwajib bagi membincangkan suatu solusi bagi mewujudkan polisi yang lebih konstruktif berhubung penyakit Parkinson ini.

"Bukan sahaja menjadi tanggungjawab persatuan-persatuan Parkinson dan Kerajaan Negeri, tetapi juga semua pihak perlu berganding bahu berusaha memberikan cadangan bagi meringankan bebanan pesakit dan penjaga.

"(Dan) Persatuan Penyakit Parkinson Pulau Pinang juga telah meminta supaya kita (Kerajaan Negeri) membantu dari segi penyediaan tempat khas untuk pesakit memandangkan buat masa ini mereka hanya menggunakan premis Kompleks Masyarakat Penyayang sebagai pusat aktiviti," katanya.

Statistik melaporkan 1 peratus daripada populasi dunia dalam lingkungan usia 55 tahun ke atas mudah terkesan dengan penyakit Parkinson, dan di Pulau Pinang terdapat lebih 300 pesakit Parkinson yang berdaftar di bawah HPP dengan anggaran antara 10 hingga 15 pesakit baharu setiap bulan.

## Kunjungan khas, KM terima hadiah batik istimewa

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU UBAN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow meluangkan masa kira-kira satu jam setengah melawat rumah penjagaan orang tua, Rumah Orang Tua Jubilee Perak atau lebih dikenali sebagai *Silver Jubilee Home* dekat Sungai Dua di sini.

Beliau yang ditemani oleh Pengerusi, Saw Soon Kooi dan Penasihat Eksekutif merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan, Tan Sri Tan Kok Ping turut dibawa melawat ke tiga blok Wad Perubatan Tun Dr. Lim Chong Eu, enam blok kluster penginapan penghuni, pusat rehabilitasi, Dewan Cheah Leong Keah (dewan makan) dan dapur.

Turut mengiringi Kon Yeow ialah pemegang amanah dan beberapa ahli jawatankuasa am Rumah Orang Tua Jubilee Perak.

Selain beramah-mesra dengan para penghuni di sini, Kon Yeow turut berkesempatan melawat ke pusat kitar semula yang dikendalikan oleh penghuni di Rumah Orang Tua Jubilee Perak.

Malah, beliau juga menerima hadiah istimewa berupa batik bingkai yang dicanting oleh salah seorang penghuni di sini.

Rata-rata penghuni yang ditemui meluahkan rasa gembira dan teruja dengan kehadiran Kon Yeow pada 7 Julai lalu.

Difahamkan, terdapat 148 penghuni di rumah penjagaan berusia 83 tahun berkaitan dengan 57 kakitangan dan jururawat bertugas sama ada secara sepenuh masa mahupun separuh masa.



**PUSAT kitar semula yang dikendalikan oleh penghuni Rumah Orang Tua Jubilee Perak.**



**BINGKAI batik yang dihadiahi salah seorang penghuni kepada Ketua Menteri bersempena lawatannya di sini baru-baru ini.**



# Pengusaha ikan dalam sangkar terima bantuan kewangan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **EXCO**

**GEORGE TOWN –** Seramai 146 pengusaha ikan dalam sangkar negeri ini yang terjejas akibat bencana banjir dan ribut November tahun lalu menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM365,000.

Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin berkata, setiap pengusaha yang terlibat menerima bantuan berupa makanan ikan, makanan udang dan makanan benih masing-masing bernilai RM2,500.

"Kami menyedari bahawa kadar bantuan itu tidak dapat menggantikan keseluruhan kerugian yang dialami pengusaha akuakultur (anggaran kerugian keseluruhan RM57.1 juta), namun saya percaya bantuan disalurkan ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan bebanan mereka.

"Antara yang terjejas teruk semasa bencana itu ialah pengusaha ternakan ikan dalam sangkar, pengusaha ternakan ikan dalam kolam dan pusat pengeluar benih ikan, dan semua mereka kini telah beroperasi semula," ucapnya pada Majlis Penyerahan Bantuan Bencana dekat Jabatan Perikanan Negeri dekat Gelugor, 4 Julai lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim serta Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), M. Maheshwari.

Dalam pada itu, Afif yang juga ADUN Seberang Jaya turut menyeru kepada para pengusaha akuakultur sama ada laut dalam atau daratan agar sentiasa mengamalkan amalan akuakultur yang bertanggungjawab serta lebih mesra alam.

“Melalui amalan akuakultur baik inilah, spesies yang diternak tidak berada dalam keadaan tekanan, bekalan ikan mengikut kesesuaian sistem ternakan, mengelakkan penggunaan bahan kimia terlarang sekaligus dapat mengurangkan pencemaran,” jelasnya.




**DR. Afif Bahardin (kanan sekali) beramah-mesra dengan sebahagian penerima bantuan pada Majlis Penyerahan Bantuan Bencana dekat Jabatan Perikanan Negeri di sini baru-baru ini.**

## Sistem sewa beli rumah bagi atasi dilema gagal peroleh pinjaman bank

**BAYAN LEPAS -** Hasil penggubalan dasar Kerajaan Negeri demi memenuhi keperluan rakyat, rumah mampu milik (RMM) pemaju swasta pertama kini berjaya direalisasikan membabitkan bahagian pulau negeri ini, maklum Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow.

Katanya, melalui penggubalan dasar perumahan yang dilakukan Kerajaan Negeri, ia secara tidak langsung membantu golongan berpendapatan sederhana untuk memiliki kediaman sendiri.

“Golongan ini (sederhana) tidak mampu membeli rumah kos tinggi dan tidak layak diberi rumah kos rendah dan sederhana rendah... jadi RMM adalah satu jalan keluar (untuk golongan berkaitan) memiliki kediaman masing-masing.

“Pada mulanya, memang agak sukar untuk mendapatkan pemaju bagi projek RMM, tetapi *M-Summit* melalui Datuk Albert Moh (Pengasas M-Summit Group) menjadi pemaju (swasta) pertama tampil untuk menyediakan RMM dengan harga RM198,000 hingga RM398,000 selaras dengan dasar harga RMM yang digubal di Pulau Pinang,” ucap Kon Yeow pada Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Ramah Pavilion dan Taman Ria dekat Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancang Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang dan Setiausaha bagi MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali.

Dalam menangani dilema kegagalan mendapatkan pinjaman bank, Kon Yeow membayangkan bahawa Kerajaan Negeri akan ‘menghidupkan’ semula sistem sewa beli rumah.

“Kita akan keluarkan garis panduan untuk skim sewa beli... jadi melalui dasar-dasar sedemikian, Kerajaan Negeri mampu membantu rakyat memiliki rumah,” ujarnya yang juga ADUN Padang Kota.



**RUPA bentuk projek perumahan Taman Ria dekat Teluk Kumbar di sini.**



# Pergiatkan usaha beri perkhidmatan terbaik, bantu rakyat

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**AIR ITAM –** Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang telah dipilih oleh rakyat pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) perlu mempergiatkan usaha dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, atas dasar tersebut, beliau telah menyarankan agar semua ADUN di Pulau Pinang memulakan operasi pusat khidmat di kawasan masing-masing selewat-lewatnya akhir Julai 2018.

"(Hal ini kerana), pusat khidmat merupakan landasan kepada rakyat untuk bawa isu-isu yang memerlukan tindakan dan penyelesaian sama ada di peringkat KADUN, negeri mahupun Persekutuan.

"Masih banyak cabaran di hadapan, apatah lagi pimpinan parti baru sahaja dilantik, (rakyat) berilah peluang untuk mereka (pimpinan) mengenali dan fahami bidang kuasa serta kewajiban masing-masing bagi memudahkan pembentukan dasar-dasar baharu yang memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya.



**JOSEPH Ng Soon Siang mendukung 'pelawat' cilik bersempena Majlis Perasmian Pusat Khidmat KADUN Air Itam di sini baru-baru ini.**

"Lagipun, masa untuk 'berbulan madu' telah berlalu, tidak kira pemimpin peringkat Persekutuan mahupun negeri perlulah bersedia dan sahut cabaran untuk memastikan prestasi yang baik memandangkan ekspektasi rakyat adalah amat tinggi," ucapnya pada Majlis Perasmian Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam di sini baru-baru ini.

Majlis yang diadakan serentak dengan sambutan Aidilfitri itu turut dihadiri Menteri Kewangan yang juga mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong serta barisan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong turut menyeru agar pimpinan setempat dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan rakyat.

"Apabila hubungan yang baik terjalin sama ada dalam kalangan ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), persatuan atau pertubuhan dan penduduk setempat, ia akan membolehkan interaksi dua hala lebih lancar.

"(Dan) inilah yang diperlukan dalam sesebuah pentadbiran yang baik, bukan sahaja memberikan perkhidmatan terbaik tetapi juga akrab dengan semua peringkat masyarakat," katanya.

Difahamkan Pusat Khidmat KADUN Air Itam yang terletak di 604-B Jalan Paya Terubong itu beroperasi dari jam 10 pagi hingga 6 petang pada hari biasa (Isnin hingga Jumaat), dan pada hari Rabu dilanjutkan dari 7 – 9 malam. Manakala, Sabtu sehingga pukul 1 petang dan tutup pada hari Ahad dan Cuti Umum.

# Terus mainkan peranan sebagai agensi penggerak pembangunan moden Pulau Pinang, seru KM kepada PDC

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PANTAI JEREJAK –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyeru supaya warga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memikul tanggungjawab sebaiknya dan berharap agensi tersebut terus memainkan peranan sebagai penggerak pembangunan negeri.

"Adalah menjadi tugas kita untuk bersama-sama memikul tanggungjawab sebaiknya, dan PDC perlu terus memainkan peranan penting sebagai sebuah agensi penggerak pembangunan moden di Pulau Pinang.

"Kesinambungan ini harus dipikul bersama-sama untuk menjadikan Pulau Pinang terus maju serta pertumbuhan memberangsangkan selari dengan misi Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri dan bandar raya bertaraf antarabangsa.

"Saya percaya PDC dapat menyokong hasrat dan misi Kerajaan Negeri ini," ujarnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong pada Majlis Rumah Terbuka PDC di sini 3 Julai lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Dato' Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan) dan Dato' Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC).

Majlis tersebut merupakan perjumpaan pertama Kon Yeow dengan keseluruhan warga kerja PDC sejak beliau menerajui pemerintahan negeri Mei lalu.

Pada pertemuan tersebut, Kon Yeow yang memegang portfolio Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menyatakan bahawa beliau sama sekali tidak menyangka dapat memimpin Pulau Pinang dan PDC kini.

"Sejarah politik saya bermula pada tahun 1986 ketika menjadi Setiausaha Politik kepada Ahli Parlimen Tanjong ketika itu, saudara Lim Kit Siang.

"Tapi hari ini, tidak sangka pula saya dapat memimpin negeri ini dan PDC," selorohnya sambil disambut gelak tawa warga PDC.

Pada majlis tersebut, Kon Yeow turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak dari Ma'ahad Tahfiz Al-Ahmad Darul Quran.



# Bas Percuma CAT George Town 2, Pulau Tikus mula beroperasi

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




**TEH Lai Heng (berkemeja biru) pada Majlis Pelancaran CAT bagi laluan George Town 2 di sini baru-baru ini.**

**KOMTAR -** Perkhidmatan bas percuma, *Congestion Alleviaton Transport* (CAT) bagi laluan George Town 2 beroperasi mulai 10 Julai lalu dari jam 6 pagi hingga 11 malam berkonsepkan pusingan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berkata, perkhidmatan CAT George Town 2 tersebut adalah percubaan untuk menyokong perkhidmatan CAT George Town 1 yang sudah mula beroperasi sejak tahun 2009.

"Di samping itu, ia juga adalah langkah untuk mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian dan melancarkan lalu lintas di sekitar Komtar.

"CAT ini akan bermula di Komtar dan melalui beberapa kawasan utama seperti Nagore Square, Plaza Penang, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Union, Hospital Gleneagles, Wawasan Open University, Kolej Despark, Wisma TNB, Kolej KDU, Sekolah Kebangsaan (SK) Wellesley, Hotel Royal, Bangunan Persekutuan, Kolej MSU, Sekolah Perempuan Methodist, SK Francis Light, Menara UMNO dan Komtar Walk.

"Manakala, laluan-laluan yang terlibat adalah bermula dari Jalan Penang, Jalan Burma, Jalan Pangkor, Jalan Sultan Ahmad Shah, Jalan Larut, Jalan Anson, Jalan Perak, Jalan Macalister dan Jalan Dr. Lim Chwee Leong," jelasnya pada majlis pelancaran laluan berkaitan di Terminal Bas Komtar di sini.

Menurut Lai Heng, Kerajaan Negeri telah membelanjakan kira-kira RM50 juta setahun dalam menyediakan perkhidmatan bas percuma berkaitan.

"Antara kawasan yang telah dilengkapi perkhidmatan ini adalah di Balik Pulau, Nibong Tebal, Air Itam, Paya Terubong, Bukit Mertajam, Bayan Baru, Bertam dan akan ditambah ke kawasan-kawasan lain selaras dengan pembentangan bajet 2018," ujarnya.




**PETA laluan CAT George Town 2.**




**PETA laluan CAT Tanjung Tokong dan Pulau Tikus.**

## Karnival kerjaya platform atasi masalah pengangguran - Zakiyuddin

**SEBERANG JAYA -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama PenExpo sekali lagi menganjurkan Karnival Kerjaya dan Temuduga Terbuka Ke-21 di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman ketika berucap berkata, penganjuran karnival berkaitan adalah bertujuan menyesuaipadankan kemahiran dimiliki pencari kerja dengan majikan yang berpotensi daripada pelbagai industri di negara ini.

"Tujuan utama penganjuran karnival ini adalah sebagai platform untuk menyediakan maklumat lengkap bagi memudahkan usaha pencari kerja.

"Selain itu, ia juga dapat memudahkan syarikat-syarikat yang mengambil bahagian untuk mengumpul maklumat calon dan membuat pilihan.

"Dengan ini, kita (Kerajaan Negeri) berharap agar karnival ini membuka peluang kepada pencari kerja dan juga majikan untuk memilih berdasarkan kemahiran, latar belakang pendidikan dan kelayakan yang mereka (pencari kerja) ada," ujarnya pada majlis perasmian penganjuran.

Hadir sama, Pengarah Urusan PenExpo, Francis Wong; wakil Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (SME) Seberang Jaya, wakil-wakil penganjur bersama dan lain-lain.




**IR. Ahmad Zakiyuddin (kiri sekali) bersama-sama wakil penganjur mencuba beberapa buah motosikal yang dipamerkan sempena penganjuran Karnival Kerja Pulau Pinang Ke-21 di sini baru-baru ini.**

Tambah Ahmad Zakiyuddin, karnival yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 30 Jun hingga 1 Julai itu juga menyediakan ruang untuk golongan orang kurang upaya (OKU) mencari peluang pekerjaan melalui bidang keusahawanan.

"Kali ini, kita (Kerajaan Negeri) berhasrat membantu rakan-rakan yang kurang bernasib baik untuk memulakan perniagaan mereka sendiri, kerana kita merasakan bahawa semua orang mempunyai tujuan dan keinginan dalam mencapai sesuatu dalam kehidupan.

"Oleh itu, kami berharap agar dapat menyediakan platform bagi orang kurang upaya untuk mempamerkan bakat, kemahiran teknikal atau keusahawanan mereka serta pelbagai kebolehan lain untuk bekerja seperti orang lain, yang menyumbang kepada pembangunan negara," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal itu berkata, harapan terbesar Kerajaan Negeri melalui penganjuran karnival berkenaan adalah untuk melahirkan penduduk Pulau Pinang lebih berpengetahuan demi memacu negara ke tahap yang lebih tinggi.

"Untuk memastikan hasrat ini tercapai, kami berharap lebih banyak syarikat mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti seperti ini.

"Kerajaan Negeri telah merangka beberapa rancangan menarik, dan kita berharap ini akan menjadi salah satu platform untuk mengurangkan masalah pengangguran dalam kalangan masyarakat hari ini," jelasnya.

# FMM tandatangan IBR SPRM, seperti Kerajaan Negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**SEBERANG JAYA -** Pengerusi Persekutuan Pengusaha-Pengusaha Kilang Malaysia (FMM) Negeri, Datuk Dr. Ooi Eng Hock mengambil langkah seperti pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, dengan berikrar serta menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Eng Hock mengetuai acara membaca ikrar tersebut di depan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan Pengarah SPRM Negeri, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah pada 2 Julai lalu di Bangunan Institut FMM Cawangan Pulau Pinang di sini.

Ketika berucap, Kon Yeow memberitahu bahawa kesan buruk daripada amalan rasuah bukan sahaja dapat dilihat pada laporan tahunan Indeks Persepsi Rasuah (CPI), bahkan lebih parah akan membantutkan pertumbuhan pembangunan dan ekonomi negara terutama Pulau Pinang.

"Rasuah adalah halangan kepada etika perniagaan yang baik dan ia menambah kos untuk menjalankan perniagaan, serta ia adalah kos tersembunyi yang tidak boleh anda nyatakan.

*Pastikan semua butiran diisi dengan langkap.*

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11675
Peminjam : KHAIRUL AZHAR BIN RAMLI - 80100907****
7-09-E KONDOMINIUM MUTIARA, JALAN PERDA BARAT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SHAHRUL NIZAM BIN MOHD YUSOFF - 78101207****
100 LORONG CASSIA TENGAH 20, TAMAN CRESENTIA, BANDAR CASSIA, 14100 BATU KAWAN, SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : IZWAN SYAMIL BIN MD RIDHUAN - 88070735****
NO.728 LORONG KENARI 8/2A, TAMAN KENARI 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 11679
Peminjam : PUTERI NURNABILA BINTI MEGAT HARON - 91020707****
170-I JALAN KAMPUNG MELAYU, AIR ITAM 11500 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MEGAT HARON BIN MEGAT HASSIM - 66011007****
170-I JALAN KAMPUNG MELAYU 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM - 74051307****
2A-20-07 LINTANG HAJJAH REHMAH, MUTIARA HEIGHTS 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 11685
Peminjam : NUR HIDAYAH BINTI MOHD IDRIS - 88062107****
60-2-2 PINANG COURT 2, LEBOH SUNGAI PINANG 1 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NURUL AKMAR BINTI MOHD IDRIS - 83072902****
B-T02-11 BLOK B, JALAN P15, PARCEL 15-12A, PRESINT 15, 62050 PUTRAJAYA
Penjamin 2 : MOHD SHAHRIZAL BIN MOHD ANUAR - 79062308****
B-T02-11 BLOK B, JALAN P15, PARCEL 15-12A, PRESINT 15, 62250 PUTRAJAYA

No Akaun : 11686
Peminjam : MASZUIN BINTI MD HATTA - 81050807****
5-3-12 PANGSAPURI JELUTONG INDAH, LENGKOK HAJI AHMAD, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD SAHRUL BIN MOHD SAH - 79103001****
NO. 21-A JALAN BUKIT DUMBAR 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MASZLIN BINTI MD HATTA - 80052107****
NO. 21-A JALAN BUKIT DUMBAR 11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 11690
Peminjam : NORSHILA BINTI RAMLEE - 85061307****
578 SAMA GAGAH, PERMATANG PAUH 13500 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : FAIRUL IZHAR BIN MOHD ALIAS - 81060903****
NO.578 SAMA GAGAH 13500 PERMATANG PAUH, BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NURHAYATI BINTI MOHD YUSOF - 79070308****
317 LORONG BERINGIN 6, TAMAN BERINGIN, 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 11691
Peminjam : EZZATUL AKMAL BINTI MOHD. NASIR - 88091307****
1672 LORONG MASJID, PONSU SERIBU, 13200 KEPALA BATAS
Penjamin 1 : ZAMZURI BIN DAUD - 73050407****
NO.27 JALAN BAIDURI INDAH 1, TAMAN BAIDURI INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : SAADIAH BINTI DAUD – (MENINGGAL DUNIA)
NO.10389 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11692
Peminjam : HAIZATUL IZUANA BINTI YAACOB - 88050607****
403-A MUKIM 9, KAMPUNG MASJID, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 1 : HAIZATUL IZAWATY BINTI YAACOB - 80041102****
NO.403-A MUKIM 9, KAMPUNG MASJID 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD SYAMSUL HASRIN BIN MOHD HARITH - 77032308****
3A-02-06 TAMAN TUN SARDON, JALAN HILIR PEMANCAR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11694
Peminjam : MOHD AZLAN BIN MOHD YUSOFF - 85040107****
NO.1 SOLOK NIPAH 3, TAMAN HAJI MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : JEMILAH BINTI MAT - 58090707****
NO.1 SOLOK NIPAH TIGA, TAMAN HAJI MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : YUSOFF BIN MAT - 64050307****
TS 3674 PENANTI GATE, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11700
Peminjam : ZUHAIRA BINTI MOHD MEERASA - 88012107****
363 JALAN MADRASAH, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD MEERASA BIN MD IBRAHIM - 56022907****
NO.363 JALAN MADRASAH, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : PARTIBAN A/L KUMARAISEN - 85072207****
NO.65 JALAN CHAN SIEW TEONG, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG

No Akaun : 11701
Peminjam : NORAINI BT MOHAMAD NOR - 92010902****
NO. 39 PERSIARAN SEKSYEN 5/4, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHAMAD SYUKRY BIN MOHAMAD NOR - 85062507****
NO.39 PERSIARAN SEKSYEN 5/4, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : NORHAFIZAH BINTI MOHAMAD NOR - 80111307****
A-12-5 RIANA GREEN EAST CONDO, JALAN WANGSA DELIMA 7, 53300 KUALA LUMPUR

No Akaun : 11702
Peminjam : SAKINAH BINTI YAHAYA - 90051907****
NO.629 MK21 GUAR PERAHU 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : YAHAYA BIN ISMAIL - 60080209****
NO.629 MUKIM 21, GUAR PERAHU 14400 KUBANG SEMANG, SEBERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2 : MOHD NASIM BIN HUSSIN - 87100307****
NO.7829 NYIOR SEBATANG 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 11703
Peminjam : SIVAKUMAARAN A/L SUPRAMANIAM - 89040607****
BLK 3 -12-10 JALAN LENGKOK ANGSANA, SRI IVORY, FARLIM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NAGAMAH A/P MUNIYANDY - 59020808****
3-12-10 JALAN LENGKOK ANGSANA, SRI IVORY, FARLIM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : PUNITHAMALAR A/P SUPRAMANIAM - 83071607****
3-12-10 JALAN LENGKOK ANGSANA, SRI IVORY, FARLIM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 11704
Peminjam : TEOH PEI WEN - 91050107****
41,JALAN TASEK MUTIARA 5, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT,SPS
Penjamin 1 : TEOH WEI KANG - 80010507****
41 JALAN TASEK MUTIARA 5, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 2 : TEOH PEI FANG - 82060108****
41 JALAN TASEK MUTIARA 5, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG EMPAT, SPS

No Akaun : 11709
Peminjam : FARAHIYAH BINTI MOHD BAHUDDIN - 85102507****
HSE NO. 2B-6-0, MELINSUNG SUMMER BAY APARTMENT 89600 PAPAR, SABAH
Penjamin 1 : ABDUL RASHID BIN TIANOK - 73091212****
HSE NO. 2B-6-0, MELINSUNG SUMMER BAY APARTMENT 89600 PAPAR, SABAH
Penjamin 2 : BUKHARI BIN BAKAR - 66040502****
1138A BEREK POLIS KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM

# Lawatan sulung KM ke B. Braun, jelas arah tuju pengkhususan



KETUA Menteri, kepimpinan Kerajaan Negeri dan Anna Maria Braun (tiga dari kiri) merakamkan gambar kenangan sejurus sesi lawatan ke B. Braun di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU MAUNG –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan hampir semua barisan Exco Kerajaan Negeri dibawa melawat ke syarikat industri perubatan terkemuka dunia, *B. Braun Medical Industries* (B. Braun) di sini baru-baru ini.

Lawatan sulung berkaitan adalah bertujuan mendapatkan gambaran korporat lebih jelas berhubung arah tuju dan operasi penghasilan produk-produk perubatan dan farmaseutikal syarikat multinasional Jerman berkenaan.

Ketibaan kepemimpinan Kerajaan Negeri disambut Presiden B. Braun bagi Asia Pasifik, Anna Maria Braun.

Braun kemudiannya memberikan penerangan terperinci berhubung latar belakang dan pencapaian syarikat tersebut semenjak bertapak di Pulau Pinang pada tahun 1972.

Katanya, portfolio B. Braun diasaskan Julius Wilhelm Braun pada tahun 1839, kini pengkhususannya telah berkembang kepada 18 bidang terapeutik dan menjangkui 5,000 produk.

"Malah, syarikat ini telah beroperasi di rantau Asia Pasifik lebih dari 46 tahun lalu.

"Di sini (Pulau Pinang), kami mempunyai lebih 15,686 pekerja meliputi lima kilang pembuatan.

"Sehingga kini, jumlah keseluruhan pelaburan B. Braun di Pulau Pinang adalah berjumlah RM4.75 bilion," jelasnya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Chong Eng (Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam), Dr. Afif Bahardin (Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar), Dato' Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan) dan Yeoh Soon Hin (Exco Pembangunan Pelancongan & Warisan, Kebudayaan dan Kesenian).

Selesai taklimat ringkas berkenaan, Kon Yeow dan kepemimpinan Kerajaan Negeri dibawa melawat ke lima kemudahan pengeluaran kilang berkenaan termasuk Akademi Aeskulap yang merupakan makmal penghasilan produk dan perkhidmatan berkaitan pembedahan.


**BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN**
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**PERMINTAAN UNTUK CADANGAN (RFP)**

Tawaran ini adalah bertujuan untuk mempelawa para pembida bagi menyertai permintaan untuk Cadangan seperti berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK** | : | ***REQUEST FOR PROPOSAL* BAGI PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN SISTEM TEMPAT LETAK KERETA SECARA PINTAR UNTUK MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG DAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI** |
| **TARIKH DIBUKA** | : | **12 JULAI 2018** |
| **TARIKH DITUTUP** | : | **13 OGOS 2018** |

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di http://www.penang.gov.my/ mulai 12 Julai 2018.

2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan '*Request For Proposal* Bagi Pembangunan Dan Pengurusan Sistem Tempat Letak Kereta Secara Pintar Untuk Majlis Bandaraya Pulau Pinang Dan Majlis Perbandaran Seberang Perai'. Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar kepada Sekretariat, Bahagian Kerajaan Tempatan sebelum 12.00 tengah hari pada 13 Ogos 2018 di alamat berikut:

**Sekretariat,**
**Bahagian Kerajaan Tempatan,**
**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,**
**Tingkat 56, KOMTAR,**
**10503 Pulau Pinang, Malaysia**

3. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.




# Pelaburan ICCL diharap lonjak potensi Pulau Pinang sebagai hab industri logistik serantau

**BUKIT TENGAH –** Syarikat logistik terkemuka Cold Chain Logistics Sdn. Bhd. (ICCL) membuka pusat operasi baru di Kawasan Perindustrian Bukit Minyak dengan nilai pembangunan kasar RM51 juta, dijangka beroperasi sepenuhnya di sini dalam tempoh 12 bulan.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap kapasiti industri logistik di negeri ini turut akan berkembang lebih pesat, dengan pembukaan pusat tersebut yang dilengkapi pelbagai kemudahan berteknologi tinggi.

"Strategi ICCL menarik, dengan pemindahan teknologi serta kepakaran dari luar negara juga akan membantu mengembangkan kepupayaan logistik tempatan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong dalam majlis perasmian pembukaan pusat logistik ICCL tersebut di sini 7 Julai 2018.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan turut mengharapkan industri logistik Pulau Pinang menjadi 'pintu masuk' rantaian bekalan barang-barang import dan eksport ke negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia.

Turut berucap, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap ADUN Air Putih.

Menurut Guan Eng, keputusan ICCL untuk mengendali dan mengembangkan usahanya dari Pulau Pinang adalah sangat baik, sekaligus menyokong pertumbuhan ekonomi di wilayah utara Pulau Pinang yang terkenal dengan infrastruktur logistik darat, rel, udara dan laut sebagai perkhidmatan sokongan.

Sebelum itu, Pengarah Urusan Kumpulan ICCL, Kevin Lim memberitahu, pusat logistik baru itu akan membawa sejumlah 24,000 barang atas palet pada masa hadapan, berbanding 8,000 (palet) sahaja kini.

"Pusat logistik baru ini bukan gudang biasa, ia dilengkapi kemudahan berteknologi tinggi seperti *Automated Storage & Retrieval System* (AS/RS), yang tidak memerlukan kakitangan untuk operasinya dan merupakan yang pertama seumpama ia di Malaysia, ditempatkan dalam persekitaran suhu terkawal, " jelasnya.







# Kad rawatan RM700, RM2,500 skim khairat kematian tular dalam *WhatsApp* adalah palsu, respons Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Isu Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang membuka pendaftaran kad rawatan bernilai RM700 setahun serta RM2,500 bagi permohonan skim khairat kematian khusus untuk warga emas, yang tular dalam *Whatsapp* baru-baru ini adalah palsu belaka.

Mengulas lanjut, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh memberitahu, inisiatif Peduli Sihat melalui Kad Peduli Sihat serta Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) merupakan antara skim bantuan langsung kepada rakyat, yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sahaja.

"Kerajaan Negeri (Pakatan Harapan Pulau Pinang) ingin menjelaskan bahawa perkara tersebut adalah tidak benar," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu dalam sidang media di sini 28 Jun lalu.

Tambah Boon Poh, ketika ini, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang memberi RM1,000 sumbangan pengurusan jenazah untuk warga emas berusia 60 tahun, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) yang berdaftar dengan program i-Sejahtera.



**PHEE Boon Poh.**

Berdasarkan Bajet 2018 Pulau Pinang, Boon Poh menyatakan bahawa Kerajaan Negeri hari ini memperkenalkan Program Penang Sihat sahaja.

Menerusi program itu, menurutnya, isi pendapatan rumah di bawah RM5,000 kelak akan diberi 'Kad I Love Penang', dengan kredit sebanyak RM300 ataupun had RM50 untuk setiap sesi rawatan, bagi membiayai kos rawatan dan ubat-ubatan di klinik-klinik swasta terpilih.

Mengulas lanjut, kata Booh Poh, individu belum berkahwin tapi berpendapatan RM2,500 juga layak diberikan kad sama, dengan nilai kredit RM150 atau had RM50 untuk setiap sesi rawatan.

Pada sidang media sama, beliau turut mengumumkan takwim bayaran program-program i-Sejahtera Tahun 2018, seperti di Lampiran A.

Sejak Program Ibu Emas diperkenalkan pada tahun 2014 hingga 2017, seramai 58,682 penerima menerima sumbangan Kerajaan Negeri berjumlah RM20,426,800.

Bagi sumbangan RM1,000 di bawah Skim Pengurusan Jenazah Warga Emas pula, Kerajaan Negeri dalam tempoh tahun 2010 hingga bulan Jun 2018 telah memberi sejumlah RM38,819,000 kepada 38,819 penerima.

**PEMBAYARAN i-SEJAHTERA**

**PROGRAM IBU EMAS**

| TAHUN | JUMLAH PENERIMA | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|
| 2014 | 38,770 | 3,877,000.00 |
| 2015 | 51,253 | 5,125,300.00 |
| 2016 | 55,563 | 5,556,300.00 |
| 2017 | 58,682 | 5,868,200.00 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **20,426,800.00** |

**PENGURUSAN JENAZAH WARGA EMAS**

| TAHUN | JUMLAH PENERIMA | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|
| 2010 | 1,623 | 1,623,000.00 |
| 2011 | 3,596 | 3,596,000.00 |
| 2012 | 4,457 | 4,457,000.00 |
| 2013 | 5,275 | 5,275,000.00 |
| 2014 | 5,275 | 5,272,000.00 |
| 2015 | 4,935 | 4,935,000.00 |
| 2016 | 5,254 | 5,254,000.00 |
| 2017 | 5,331 | 5,331,000.00 |
| 2018 (Setakat Jun 2018) | 3,076 | 3,076,000.00 |
| **JUMLAH** | **38,819** | **38,819,000.00** |

Sumber: Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar.

**LAMPIRAN A.**

## Akademi khas bantu wanita siapkan diri sebagai pemimpin

**GEORGE TOWN –** Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng menyatakan bahawa beliau amat teruja apabila berpeluang berkongsi program-program yang dilaksanakan di negeri Pulau Pinang dalam memperkasakan golongan wanita sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Perkongsian tersebut adalah di antara Setiausaha Politik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat (KPWKM), Rodziah Ismail yang mengadakan lawatan rasmi ke negeri ini 3 Julai lalu.

"Kami bermesyuarat dan juga pembentangan bersama-sama jabatan-jabatan di bawah KPWKM selain berkongsi portfolio baharu diperkenalkan Kerajaan Negeri iaitu keterangkuman gender atau *gender inclusiveness* yang mungkin boleh diadaptasikan di negeri-negeri lain.

"(Dan) kami juga mengetengahkan isu wanita yang diletakkan sebagai pembuat keputusan sama ada dalam politik atau mana-mana pengurusan tertinggi sesebuah organisasi dan syarikat termasuk mencadangkan supaya ia (penyertaan wanita) dijadikan satu dasar untuk dilaksanakan secara berkesan," katanya pada sesi perkongsian berkaitan di sini.

Menurut Chong Eng, antara cabaran yang dihadapi golongan wanita kini untuk melibatkan diri di peringkat pembuat dasar adalah anggapan masyarakat sekeliling.

"Pertamanya, soal boleh atau tidak, ada wanita yang mempunyai keupayaan sebagai pembuat dasar tetapi tidak berminat. Ada juga organisasi atau syarikat mempunyai pekerja wanita yang kurang, dan ada juga yang menganggap bahawa wanita muda 'tidak kukuh' dan tidak berkemampuan untuk menjadi pembuat dasar sedangkan apabila sampai satu tahap lain pula, dikatakan wanita itu terlalu berusia untuk memimpin.

"Jadi, kita perlu menjenamakan semula wanita, seperti yang dibincangkan, mungkin kita akan menubuhkan satu akademi khas yang bertujuan membantu wanita mempersiapkan diri menjadi pemimpin," jelasnya.



**CHONG Eng (empat dari kanan) dan Rodziah Ismail (empat dari kiri) bergambar kenangan bersempena pertemuan rasmi antara dua pihak berkaitan di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Rodziah berkata, beliau kini dalam siri lawatan KPWKM ke seluruh negara, dan Pulau Pinang menjadi destinasi ketiga selepas Kedah dan Melaka.

"Dalam siri lawatan ini, pastinya KPWKM ingin membangkitkan perkara-perkara boleh disinergikan bersama-sama termasuk merasionalisasikan program-program yang boleh dilaksanakan.

"(Dan) pastinya kami juga melihat komitmen yang dinyatakan dalam Manisfesto Pakatan Harapan sebelum ini dalam menjayakan iltizam agar segala perancangan dilaksanakan dengan mudah, dan saya berharap agar pihak Kerajaan Negeri dapat mengambil maklum akan semua ini dan membantu KPWKM," katanya.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Datuk Yatimah Sarjiman; Pengarah JPW Pulau Pinang, Marhaini Abu Bakar; Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang, Shaballah Zainal Abidin; Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Pulau Pinang, Suaizan Abdul Jabar; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng dan Timbalan Setiausaha Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN), Mohd. Syaiful Patolga.

Pertemuan selama kira-kira dua jam setengah itu antara lain membincangkan pelbagai isu berkaitan wanita, keluarga dan masyarakat termasuk cabaran-cabaran yang harus ditangani dewasa ini.

# Parlimen Bayan Baru miliki pasukan mantap – MP

**BATU MAUNG -** Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin menyifatkan bahawa kawasan parlimennya adalah sangat bertuah kerana memiliki pasukan yang cukup mantap apabila dianggotai oleh kepemimpinan di peringkat Kerajaan Tempatan, Negeri dan Persekutuan.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 2,000 pengunjung yang menghadiri Majlis Jamuan Aidilfitri anjuran Parlimen Bayan Baru dekat Bukit Gedung di sini baru-baru ini.

Tze Tzin yang juga merupakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan bahawa pasukannya akan berusaha sebaik mungkin menyelesaikan setiap masalah yang diajukan.

"Untungnya, kita (Bayan Baru) apabila ada dua Ahli Majlis di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Ahmad Azrizal (Tahir) dan Kak Pah (Latifah Hussainsa) yang baru dilantik.

"Malah, di peringkat negeri pula, kita mempunyai A. Kumaresan sebagai ADUN dan dan Dato' Abdul Halim Hussain sebagai Exco (Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan).

"Dan, lebih istimewa kawasan ini mempunyai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Saifuddin Nasution Ismail, dan saya selaku Timbalan Menteri," ujarnya yang segak berpakaian baju melayu lengkap berona merah jambu.

Mengulas lanjut, Tze Tzin memberitahu, beliau sebagai menteri baharu dilantik berjanji akan memajukan lagi bidang pertanian.

"Malaysia mempunyai masa depan yang cerah di dalam bidang pertanian.

"Saya akan cuba sedaya upaya untuk menyediakan bantuan dan insentif kepada seluruh rakyat Malaysia yang berminat di dalam bidang pertanian.

"Orang muda harus mengambil peluang mendominasi sektor pertanian dan industri asas tani serta industri kecil dan sederhana (IKS)," serunya.

Sementara itu, penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayan Lepas baru-baru ini menampilkan kelainan apabila para tetamu turut disajikan dengan persembahan silat dari Pertubuhan Silat Gayong Pusaka Cawangan Teluk Kumbar.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz berkata, majlis rumah terbuka tersebut yang dihadiri pelbagai kaum dan bangsa merupakan salah satu tanda positif.

"Perubahan ini bukanlah suatu tanda ganjil, sebaliknya masyarakat lebih bersatu dan terbuka untuk meraikan kepelbagaian perayaan di negara ini," ujarnya pada majlis berkaitan.

ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, Zahar Zainul (Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri), Ahmad Azrizal Tahir (Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) dan Pegawai Pemerintah Rejimen Semboyan ATM Kem Sungai Ara antara tetamu kehormat yang hadir.

Pada kesempatan tersebut juga, Azrul Mahathir turut menyampaikan sumbangan kepada lima penggali kubur, pemandi jenazah wanita (5) dan pemandi jenazah lelaki (5).

Sekitar 2,000 jemputan yang hadir disajikan dengan 13 menu hidangan tempatan seperti laksa, lontong, bihun sup, apom lenggang dan putu bambu.



**AKSI Saifuddin Nasution Ismail bersama-sama kakitangan Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri pada penganjuran majlis pot-luck Aidilfitri.**



**TIMBALAN Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (kiri sekali) menyampaikan sumbangan duit raya kepada sebahagian pengunjung cilik pada majlis sambutan Aidilfitri DUN Perai.**



**SIM Tze Tzin bergambar kenangan bersama-sama beberapa pengunjung Majlis Jamuan Aidilfitri anjuran Parlimen Bayan Baru di sini baru-baru ini.**



**AZRUL Mahathir Aziz (tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama sebahagian pengunjung yang hadir pada majlis rumah terbuka Aidilfitrinya.**



**GAYA santai para pengunjung Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Telok Air Tawar.**



**ADUN Telok Air Tawar, Mustafa Kamal (empat dari kanan) beramah-mesra dengan sebahagian tetamu yang hadir.**

# Kekalkan George Town bandar warisan terulung dunia



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, para jemputan dan pengunjung menunjukkan simbol nombor 10 sempena meraikan Ulang Tahun Ke-10 Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU MOHD. RADZI**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri melalui *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) bakal mewujudkan strategi pengurusan berwawasan, munasabah dan praktikal dalam meletakkan George Town kekal terulung sebagai bandar warisan dunia.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM36 juta untuk pelaksanaan projek-projek berkaitan budaya warisan di George Town.

"Ini termasuk peruntukan *Heritage Seed Fund* untuk tujuan pemulihan fizikal premis-premis di kawasan tapak warisan.

"Kini, kita (George Town) merupakan salah satu tapak warisan terurus terbaik dunia, dan kami (Kerajaan Negeri) akan terus melakukan yang terbaik.

"Kerajaan Negeri melalui GTWHI akan mengintegrasikan matlamat pemulihan warisan bandar serta pembangunan sosial dan ekonomi.

"Dengan cara ini sahaja kita dapat mendalami lebih berhubung nilai warisan untuk melindungi dan memeliharanya," ucapnya ketika merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town di sini 7 Julai lalu.

Hadir sama, Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri, Timbalan Menteri Pelancongan merangkap Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik; Pengarah Eksekutif UN Habitat, Dato' Seri Maimunah Mohd. Sharif dan Pengurus Besar GTWHI, Dr. Ang Ming Chee.

Kepelbagaian budaya George Town dijadikan tumpuan utama dalam Festival Jalanan yang dianjurkan dengan tema 'POTENTIAL - Dari Kisah Silam, Untuk Masa Kini, Demi Masa Depan'.

Terdapat 25 bengkel komuniti jalanan, pameran, permainan, kraf tangan, persembahan dan lain-lain berlangsung selama lima jam bermula 6 petang.

Menurut Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, perayaan yang saban tahun disambut pada tanggal 7 Julai merupakan bukti kolektif dalam meraikan perbezaan dan menghargai kesaksamaan yang terdapat di antara masyarakat majmuk di Pulau Pinang.

"Negeri ini mempunyai budaya unik apabila masyarakatnya yang berbilang bangsa dapat hidup dalam keadaan harmoni dan saling hormat-menghormati dengan lain walaupun terdapat perbezaan dan kepelbagaian," jelasnya.



**PELBAGAI rupa bentuk pau comel yang dijual.**



**SEBAHAGIAN pengunjung tidak melepaskan peluang merakam gambar kenangan bersama-sama salah satu watak dalam persembahan opera Cina.**



**AKTIVITI menyulam yang turut mendapat perhatian.**



**DEMONSTRASI penyediaan bunga rampai.**



**SENI inai asli yang turut didedahkan kepada generasi muda.**

# Pertandingan Melukis Mural, SMK Berapit juara

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **K. THAARSHENII**

**SEBERANG JAYA -** Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Berapit, Bukit Mertajam dinobatkan sebagai juara bagi Pertandingan Melukis Mural anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama Kelab Lion Daerah 308 B2 Malaysia.

Kemenangan tersebut melayakkan sekolah berkenaan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2,000 berserta sijil penyertaan.

Naib johan pula adalah milik SMK Kampong Kastam yang membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,000, manakala SMK Desa Murni dan SMK Pokok Sena berkongsi tempat ketiga dan masing-masing menerima hadiah wang tunai berjumlah RM500.

Hadiah saguhati menjadi milik SMK Datuk Hj. Ahmad Badawi yang membawa pulang wang tunai RM300.

Hadiah disampaikan oleh Ahli Majlis bagi MPSP, Michael Tan yang mewakili Yang di-Pertuanya di sini 29 Jun lalu.

Tan ketika menyampaikan ucapan berkata, pertandingan berkenaan dianjurkan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar berkaitan Konsep 8R iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-gift, Recover* dan *Recycle* serta kepentingan kepenggunaan bijak bagi penjagaan alam sekitar demi masa depan.

"Kepenggunaan bijak merupakan satu elemen penting kerana semakin kurang sampah yang dihasilkan, maka kita dapat menjimatkan kos mengurus sampah, menjaga alam sekitar dan memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah yang sedia ada iaitu di Pulau Burong.

"Oleh itu, saya menyeru agar kita semua dapat menjadikan kitar semula sebagai amalan dalam kehidupan seharian dan berharap agar pertandingan ini mampu merealisasikan impian untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bersih, hijau, selamat dan sihat," ujarnya.

Sementara itu, Norafiza Mohamad yang merupakan Penolong Kanan Kokurikulum SMK Berapit ketika ditemui wakil Buletin Mutiara menzahirkan rasa gembira di atas kejayaan tersebut.

"Kita buat dua lukisan mural untuk sampaikan mesej kepada masyarakat perihal pentingnya penggunaan konsep 8R dalam kehidupan seharian.

"Kejayaan hari ini adalah hasil daripada gabungan idea para pelajar daripada Persatuan Alam Sekitar dan guru yang memakan masa kira-kira dua minggu tanpa mengganggu waktu belajar para pelajar," ujarnya yang turut memberitahu bahawa SMK Berapit juga merupakan pemenang bagi pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2018.

Bagi Hor Chia Cong, penglibatannya bersama-sama lima rakan dalam pertandingan berkaitan merupakan pengalaman yang sangat berharga selain dapat meningkatkan kreativiti.

"Saya sangat gembira kerana idea dan usaha kami dipilih sebagai mural terbaik bagi pertandingan ini.

"Terima kasih kepada guru-guru yang banyak membantu dan memberi kepercayaan kepada kami," jelasnya.

Difahamkan, sebanyak 12 sekolah menengah mengambil bahagian dalam pertandingan bertemakan *'Smart Consumption Model 8R'* yang mana setiap lukisan mural perlu mempunyai logo MPSP dan Kelab Lion International.

Cat untuk melukis mural dan hadiah wang tunai bagi semua pemenang ditaja oleh Exopuri Development Sdn. Bhd..



**NORAFIZA Mohamad (empat dari kiri) dan Hor Chia Cong (lima dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama rakan sepasukan selepas diumumkan juara Pertandingan Melukis Mural berkonsepkan 8R di sini baru-baru ini.**

## MBPP umum senarai Pengerusi Gantian Tetap dan Pusat Setempat

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengumumkan senarai Pengerusi Gantian Tetap bagi lima jawatankuasa dibentuk dan empat Ahli Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan berkuat kuasa 5 Julai lalu sehingga 31 Disember 2019.

Pengumuman tersebut dibuat Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang.

"Lima jawatankuasa yang dibentuk masing-masingnya adalah Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan yang akan dipengerusikan oleh Nur Zarina Zakaria.

"Diikuti Pengerusi Gantian Jawatankuasa Kewangan iaitu Gooi Seong Kin; Tan Seng Keat (Jawatankuasa Tetap Pengurusan Infrastruktur dan Lalu Lintas); Wong Yuee Harng (Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam) dan Ahmad Azrizal Tahir (Jawatankuasa Tetap Pendidikan Awam).

"Ahli Jawatankuasa bagi OSC akan dianggotai oleh Harvindar Singh, Tan Hooi Peng, J. Francis dan Nur Zarina Zakaria.

"Manakala bagi whip setiap parti pula diketuai oleh Harvinder Singh bagi Parti Tindakan Demokratik (DAP), J. Francis (Parti Keadilan Rakyat, PKR), Saiful Azwan Abd. Malik (Parti Amanah Negara, Amanah) dan Azahari Aris (Parti Peribumi Bersatu Malaysia, PPBM)," ujarnya.

Hadir sama pada sidang media tersebut, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.



**AR. Yew Tung Seang (kanan) dan Ir. Addnan Mohd. Razali pada sidang media di sini baru-baru ini.**



# Mesin kompos sisa Rumah Terbuka Aidilfitri MPSP galak amalan asing sisa

**SEBERANG JAYA –** Penganjuran Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tahun ini unik dengan menampilkan kelainan berbanding sebelumnya.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, penganjuran rumah terbuka tahun ini diadakan di tiga daerah iaitu Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

"Hari ini, kita (MPSP) anjurkan di Ibu Pejabat (di Bandar Perda) untuk meraikan seluruh penduduk Seberang Perai dan juga kakitangan, manakala dua majlis lagi di SPU dan SPS akan dikhaskan untuk para pekerja sahaja.

"Berbanding sebelum ini, hanya di sini (Ibu Pejabat MPSP) sahaja," ujarnya pada majlis berkaitan di sini 9 Julai lalu.

Dianggarkan, kira-kira 3,000 hadirin hadir ke majlis rumah terbuka yang menghidangkan 15 juadah istimewa seperti laksa, lemang, sate, rojak, rendang dan nasi minyak.

Hadir sama memeriahkan majlis sambutan ialah Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim; Heng Lee Lee (ADUN Berapit), Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ramai lagi.

Selain itu, menurut Rozali, tahun ini juga, pihaknya menyediakan sebuah mesin kompos dalam majlis berkaitan bagi menggalakkan amalan pengasingan sisa di punca.

"Mesin ini berharga kira-kira RM12,000 seunit dan boleh memuatkan sehingga lima tan sisa makanan.

"(Dan) MPSP amat menggalakkan pengusaha-pengusaha hotel dan restoran untuk membeli mesin ini sebagai salah satu usaha menjadikan Seberang Perai sebuah bandar raya rendah karbon pada masa akan datang," katanya.

Beliau menambah, MPSP juga turut menyediakan tong sampah khas bagi mengasingkan sisa plastik kotor yang tidak boleh dikitar semula.

"Dulu, kita hanya sediakan tiga tong kitar semula iaitu untuk sisa bersih, sisa kotor dan tong untuk mengumpul sisa makanan serta bahan organik.

"Kali ini, kita (MPSP) sediakan satu lagi tong iaitu untuk sisa plastik kotor sahaja yang tidak boleh dibuang ke laut seperti penyedut minuman serta pinggan dan cawan plastik," jelasnya.



**SR. Rozali Mohamud (kanan sekali) menunjukkan demonstrasi menggunakan mesin kompos yang disediakan khas pada penganjuran Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri MPSP di sini baru-baru ini.**

Bagi yang berminat untuk membeli mesin kompos berkaitan boleh hubungi MPSP di talian 010 - 703 3099.

## Sektor korporat diseru bersama jayakan program pembangunan, pemerkasaan OKU



**RASHIDAH Jalaluddin (berdiri, dua dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian peserta dan kakitangan Persatuan Kanak-kanak (Cerebral Palsy) Pulau Pinang pada penganjuran Program Amal Walk-Jog-Wheel With Us 2018 di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal meneruskan usahanya menjaga hak kesejahteraan golongan orang kurang upaya (OKU) sejajar dengan kesungguhan memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua lapisan masyarakat.

Pengarah Khidmat Kemasyarakatan MBPP, Rashidah Jalaluddin berkata, MBPP sentiasa mengambil kira penglibatan OKU dalam segala aktiviti dianjurkan terutamanya bidang sukan.

"Pelbagai aktiviti sukan kecergasan telah dianjurkan MBPP yang melibatkan golongan OKU seperti *City Walk 2018*, *OKU Chess Competition* dan kelas tarian kanak-kanak sesi pertama.

"Program-program ini mendapat sambutan memberangsangkan daripada peserta OKU, dan kita (MBPP) sentiasa menyediakan khidmat jurubahasa isyarat untuk memudahkan mereka (OKU) sepanjang berlangsungnya program," ujarnya pada penganjuran Program Amal Walk-Jog-Wheel With Us 2018 dekat Taman Bandaraya di sini 8 Julai lalu.

Hadir sama, Pengerusi Penganjur merangkap Pengerusi Persatuan Kanak-kanak (Cerebral Palsy) Pulau Pinang, Latiffa Abdul Rahman.

Seramai 580 peserta termasuk golongan OKU menjayakan program berkaitan dalam usaha mengumpul dana sebagai sokongan berterusan untuk program-program pendidikan dan pemulihan persatuan berkenaan.

Dalam perkembangan sama, Rashidah turut menyeru penglibatan sektor korporat atau mana-mana pihak untuk menjayakan program bagi pembangunan dan pemerkasaan OKU.

"Kerajaan tidak mampu melaksanakan usaha pembangunan OKU secara bersendirian.

"Jalinan perkongsian bijak dan kerjasama strategik di antara sektor kerajaan dan korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela kebajikan dan masyarakat umum adalah selaras dengan slogan 'kebajikan tanggungjawab bersama'," seru beliau.




# Wakil rakyat dekati peniaga, komuniti di Pasar Awam Jelutong

Teks & Gambar : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BATU LANCANG -** Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong meluangkan masa kira-kira tiga jam setengah mendekati para peniaga serta komuniti setempat yang datang ke Pasar Awam Jelutong di sini baru-baru ini.

Menurut Rayer, aktiviti berjalan atau *'walkabout'* di pasar-pasar awam dalam Parlimen Jelutong merupakan salah satu aktiviti yang dimasukkan di dalam kalendar mingguan beliau sejak Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) lalu.

"Bagi saya, inilah cara untuk saya dekati rakyat tidak kira sama ada dalam kalangan komuniti peniaga mahupun setempat.

"Melalui *'walkabout'* ini, rakyat dapat mengadu secara terus jika terdapat sebarang permasalahan atau juga boleh bertemu terus dengan pemimpin tempatan untuk bertanya atau membuat cadangan mahupun aduan.

"(Dan) Ini merupakan kali ketiga saya datang ke sini," ujarnya yang mesra bertanyakan khabar kepada hampir setiap peniaga yang ditemuinya.

Dalam pada itu, Ah Teong ketika ditemui menzahirkan rasa puas hati apabila dapat bertemu secara langsung dengan komuniti setempat.

"Seperti tadi, kita dapat lihat ada runtuhan dinding di Pasar Awam Jelutong akibat rempuhan kenderaan baru-baru ini.

"Kita datang dan dengar aduan komuniti di sini dan mengambil tindakan perlu," katanya yang turut bersetuju dengan Rayer bahawa inisiatif *'walkabout'* dapat memberi peluang kepadanya untuk mendekati rakyat.

Turut serta Pengerusi Persatuan Peniaga Pasar Awam Jelutong dan wakil-wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.



**ONG Ah Teong (berbaju merah jambu) dan R.S.N. Rayer (berbaju merah) ketika meramahi salah seorang peniaga Pasar Awam Jelutong di sini baru-baru ini.**

## ADUN lancar gotong-royong perdana, seru penduduk tingkat amalan kebersihan

**BATU LANCANG –** Ong Ah Teong menyatakan bahawa semangat gotong-royong berasaskan komuniti setempat dan amalan menjaga kebersihan adalah usaha untuk mewujudkan persekitaran yang lebih bersih.

Beliau yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan berkaitan menyeru agar penduduk setempat lebih bertanggungjawab dan terapkan nilai-nilai murni menjaga kebersihan persekitaran dan kawasan kejiranan setempat terutamanya.

"Gotong-royong ini bukan sentiasa dianjurkan, maka amalan kebersihan harus dipupuk dalam jiwa setiap penduduk agar sama-sama rasa tanggungjawab untuk menjaga kebersihan kawasan di sini.

"Malah, amalan ini juga wajar diterap kepada anak-anak kecil agar mereka tahu erti memelihara dan memulihara alam sekitar serta kawasan tempat tinggal mereka," ujarnya pada Majlis Gotong-royong Perdana yang dianjurkan di Flat Taman Sri Damai di sini baru-baru ini.

Meskipun keadaan cuaca mendung dan hari hujan, ia tidak mematahkan semangat penduduk setempat, ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Ghee Hiang, Taman Ara, Jalan Perak dan Taman Hijau serta para kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk bergotong-royong membersihkan kawasan tersebut agar terhindar daripada pembiakan nyamuk aedes.

Selain Ah Teong, hadir sama membanting tulang bersama-sama penduduk ialah Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer.



**BARISAN kakitangan MBPP dan sukarelawan bertungkus-lumus membersihkan kawasan sekitar bersempena penganjuran Majlis Gotong-royong Perdana di sini baru-baru ini.**



# Peranan guru penting dalam memupuk perpaduan, sikap saling menghormati

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **K. THAARSHENII**

**BATU LANCANG –** Guru bukan sahaja berperanan memberikan tunjuk ajar kepada pelajar, malah mampu memupuk perpaduan dan sikap saling hormat-menghormati sesama insan.

Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer berkata demikian pada Majlis Sambutan Hari Raya dan Sambutan Hari Guru Sekolah Kebangsaan (SK) Jelutong Barat di sini 6 Julai lalu.

Menurut beliau, sebagai insan berfikiran waras, kita seharusnya melupakan segala perbezaan yang ada dan menumpukan persamaan serta berusaha untuk membina negara Malaysia baru seperti disarankan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Perkara ini penting kerana perpaduan antara kaum akan mengangkat Malaysia ke tahap yang lebih dihormati sehingga negara-negara lain akan turut merasa bangga dengan kejayaan yang dicapai negara ini," ujar Rayer pada majlis berkaitan.



**R.S.N. Rayer (barisan pertama, lima dari kiri) dan Ong Ah Teong (barisan pertama, empat dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama barisan guru dan jawatankuasa penganjur Majlis Sambutan Hari Raya dan Sambutan Hari Guru SK Jelutong Barat di sini baru-baru ini.**

Turur hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong; Guru Besar SK Jelutong, Nor Azmah Johari dan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Jelutong, Anwar Harun Abdullah Munir.

Dalam pada itu, Rayer menyifatkan bahawa kerjaya sebagai seorang guru merupakan profesion murni kerana ia mampu melahirkan ramai insan yang cemerlang.

"Sesungguhnya, tidak ada insan yang akan mencapai kejayaan dalam mana-mana bidang sama ada sebagai seorang guru, ahli politik, peguam, doktor dan sebagainya jika tidak mendapat didikan dan ajaran daripada guru-guru.

"Saya rasa sungguh terharu kerana jika tidak mendapat tunjuk ajar daripada guru-guru yang berdedikasi semasa saya belajar dahulu, adalah mustahil untuk saya berada di sini hari ini," katanya sambil menyifatkan kehadiran beliau ke sekolah tersebut buat kali pertama sepanjang 20 tahun berkecimpung dalam arena politik sebagai hari yang cukup bersejarah.

Terdahulu, kehadiran Rayer disambut dengan paluan kompang daripada murid-murid sekolah berkenaan.

Selain menjamu selera, majlis juga turut diserikan dengan persembahan tarian dan *'choral speaking'*.

Dalam pada itu, Rayer turut menyatakan komitmen beliau terhadap perkara yang dibangkitkan guru besar sekolah berkenaan berhubung kerosakan dewan sekolah yang memerlukan kos pembaikan kira-kira RM350,000.

"Saya sebagai wakil rakyat akan sentiasa memberi perhatian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di sini (Parlimen Jelutong) tanpa sebarang protokol.

"Saya juga akan berjumpa dengan Menteri Pendidikan dan Menteri Kerja Raya apabila Dewan Rakyat bersidang pada 16 Julai 2018.

"Tapi, saya nasihatkan supaya dewan ini tidak digunakan buat sementara waktu kerana bimbangi ia mendatangkan risiko bahaya kepada pelajar dan guru," serunya yang merupakan bekas pelajar di sekolah berkenaan.

## Program Saintis Muda sedia generasi pelajar hadapi Revolusi 4.0

**JAWI -** Penganjuran Program Saintis Muda diharap dapat menyediakan generasi pelajar dengan ilmu sains dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 kini, jelas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, H'ng Mooi Lye.

Katanya, program tersebut sedikit sebanyak diharap mampu memupuk minat pelajar-pelajar sekolah rendah sekitar Jawi untuk meminati bidang berkaitan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang disifatkan amat penting pada era ini.

"Program ini bukan nak jadikan mereka (para pelajar) saintis, namun kita sasarkan mereka untuk meminati subjek berkaitan mata pelajaran berkaitan kerana ianya adalah amat penting sekarang.

"Kita perlu sediakan generasi muda kita dengan ilmu pengetahuan sains bagi membolehkan mereka bergerak seiring kemajuan teknologi di negara-negara maju agar Malaysia lebih berdaya saing pada masa hadapan," ujar Mooi Lye pada penganjuran Program Saintis Muda Dewan Undangan Negeri (DUN) Jawi bersama-sama Penang Tech Dome dekat Taman Jawi Jaya di sini 8 Julai lalu.

Pada penganjuran berkaitan, seramai 106 pelajar dari enam sekolah rendah sekitar Jawi mengambil bahagian.

"Baki enam sekolah lagi, kita akan adakan pada program akan datang.

"Hari ini, mereka belajar mencipta cermin mata daripada komputer riba sebelum dijelmakan dalam bentuk sebenar melalui mesin pencetakan dimensi (3D)," jelasnya.



**H'NG Mooi Lye (berkemeja putih) membantu beberapa pelajar menyempurnakan ciptaan cermin mata mereka pada penganjuran Program Saintis Muda di sini baru-baru ini.**




**Bakat Si Cilik - Mewarna 1 / 2018**

# saya anak MALAYSIA



Sila isi butiran berikut:

Nama : ..............................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..............................................

Alamat: ..............................................

..............................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..............................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ..............................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Julai 2018 hingga 30 September 2018.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**10 Hadiah Saguhati**